

Politik wang: UMNO pinda perlembagaan

Oleh **BADRUL AZHAR RAHMAN** dan
BAHAROM MAHUSIN

KUALA LUMPUR 6 Nov. — UMNO akan meminda perlembagaannya bagi membolehkan setiap calon dalam pemilihan parti sama ada di peringkat Pusat atau bahagian, digugurkan haknya untuk bertanding jika mereka mengamalkan politik wang.

Pindaan yang dicadangkan juga termasuk melarang calon-calon 'mengurung' perwakilan, menghantar perwakilan 'bercuti' ke luar negara sebelum pemilihan berlangsung dan memberi 'buah tangan' sebelum pemilihan.

Penyandang jawatan dalam Majlis Tertinggi yang memegang jawatan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen akan turut dilarang menggunakan kemudahan jentera kerajaan sewaktu berkempen, untuk berlaku adil kepada muka baru yang hendak bertanding.

"Ibu pejabat UMNO hanya memerlukan tiga orang membuat laporan yang lengkap dengan bukti bahawa seseorang calon memberi sogokan dan nama calon itu akan kita gugurkan," katanya dalam ucapan penangguhan pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini

7 NOV 1993

Cadangan ini yang mendapat tepukan gemuruh para perwakilan, diselang seli dengan pekikan "setuju" apabila Mahathir meminta mereka menyuarkan persetujuan.

Mahathir memberitahu sidang akhbar selepas itu, satu perhimpunan agung khas akan diadakan pada tahun ini juga bagi meluluskan pindaan bagi menghapuskan budaya politik wang itu.

Desakan

Cadangan Presiden UMNO itu adalah sebagai menjawab desakan para perwakilan yang telah membangkitkan soal budaya politik wang dalam pemilihan UMNO kali ini. Perkara itu dibangkitkan oleh hampir semua wakil yang bangun membahaskan usul terima kasih ucapan dasar Presiden semalam.

"Wang suka...tapi politik wang tak suka...nampaknya semua pihak tidak sukakan politik wang, betulkah?" tanya Dr. Mahathir kepada para perwakilan.

Katanya, amalan buruk itu jika dibiarkan berleluasa khususnya di peringkat bahagian, akan merosakkan Parti UMNO dan seterusnya menjejaskan prestasi parti apabila menghadapi pilihanraya umum.

■ Lihat muka 4

Politik wang UMNO pinda perlembagaan

"Tidak berguna jadi ketua bahagian, kalau bahagian itu kalah dalam pilihan raya.

"Lama-lama orang yang berbakat tapi tiada wang, akan tersingkir atau tersungkur," tegasnya.

Menurutnya, kalau wang sudah banyak adalah lebih baik calon yang berkenaan menyumbangkan kepada parti bagi dibelanjakan kepada semua ahli.

Dr. Mahathir mendedahkan, terdapat perwakilan yang memberi nombor akaun dalam bank untuk diisi dengan wang oleh calon-calon yang bertanding kali ini.

Katanya, terdapat juga calon yang memberi hadi-

ah pen, kalkulator, jam tangan dan radio untuk memancing undi perwakilan menjelang pemilihan ini.

"Kita tidak mahu calon-calon seperti ini, nanti dia rosakkan parti kita," kata beliau.

Dr. Mahathir juga menarik perhatian bahawa seseorang calon boleh berpida-panjang lebar sehingga berbuih mulut serta menyediakan makanan dan minuman tetapi amalan 'mengurung' perwakilan bagi mengelakkan mereka dipengaruhi oleh calon lain juga tidak boleh lagi dilakukan.

Begitu juga, katanya, amalan membiayai lawatan perwakilan ke Haadyai

atau ke Medan, jika ada bukti, calon itu boleh digurukan daripada bertanding.

Beliau tidak kawatir tentang amalan politik wang di dalam pemilihan peringkat pusat tetapi ia lebih berbahaya jika dilakukan di peringkat bahagian.

"Di peringkat bahagian, bahayanya adalah pihak yang kalah akan membawa diri bersama penyokong-penyokongnya. Ini membahayakan jika kita menghadapi pilihan raya umum.

"Kita perlu perpaduan di peringkat nasional tetapi lebih lagi di peringkat bahagian," tegasnya.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan keputusan pemilihan di peringkat Majlis Tertinggi kali ini, jelas menunjukkan amalan politik wang tidak banyak mempengaruhi sokongan perwakilan.

"Ini kerana ramai yang menang adalah orang lama, cuma empat atau lima orang baru," katanya.

Beliau menambah, Majlis Tertinggi mewujudkan peraturan mengadakan undi akar umbi dalam pemilihan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden adalah untuk memberi hak kepada bahagian membuat pilihan.

Katanya, kalau diserahkan tugas memilih itu sepenuhnya kepada perwakilan yang datang, kadang-kadang mereka akan terpengaruh juga dengan pemberian seperti jam tangan dan kalkulator.

Sementara itu dalam sidang akhbar sebaik sahaja

selesai Perhimpunan Agung UMNO, Dr. Mahathir berkata, pindaan itu akan dibuat secepat mungkin pada tahun ini juga dan akan digunakan dalam pemilihan akan datang (1996).

Menurut Dr. Mahathir, pihaknya tahu apa akan dilakukan untuk menguatkuasakan peraturan tersebut.

"Kita boleh menguatkuasakan pindaan itu, kita tahu apa nak buat....bagaimanapun kita kena siasat betul-betul setiap aduan kerana mungkin nanti ada orang sengaja mahu menganiaya orang lain," jelas beliau.

Ditanya bagaimana kesannya gejala itu pada perhimpunan kali ini, beliau berkata, ia tidak begitu berkesan, ramai yang melakukannya tidak terpilih.

"Kita tahu siapa yang terlibat...tetapi kebanyakan daripada mereka tidak menang pun.

"Beberapa orang yang menang adalah kerana mereka bekerja keras berkempen misalnya seperti Datuk Hamid Othman dan Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad," jelas beliau.

Menjawab satu soalan beliau berkata, MT akan menyiasat dengan serius sekiranya menerima sekurang-kurangnya tiga aduan berkaitan dengan perbuatan tersebut.

Bagaimanapun, katanya, MT akan menetapkan kemudian sama ada tiga, lima atau tujuh sudah mencukupi untuk dijalankan siasatan.